

# Lima RU sertai Kongres Penyelidikan dan Inovasi

**KUALA LUMPUR 5 Dis.-** Sebanyak lima peneraju utama universiti penyelidikan Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyertai Kongres Penyelidikan dan Inovasi 2014.

Naib Canselor UKM, Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, kongres yang bertemakan Universiti untuk Komuniti adalah aktiviti yang diadakan secara bergilir-gilir di lima universiti dan kali ini, UKM bertindak sebagai tuan rumah.

Menurutnya, tema siri kelima kali ini lebih menjurus kepada penyambung cabaran hebat yang bermaksud penunjuk keberhasilan terikat kepada bagaimana universiti mengubah masyarakat melalui penyebaran pengetahuan.

“Tema ini selaras dengan misi Universiti Penyelidikan (RU) itu sendiri untuk menjadi enjin per-

tumbuhan bagi masyarakat dan negara.

“Pada kongres itu, turut diadakan pameran yang berdasarkan empat tonggak utama iaitu penyelidikan yang menonjol, pembangunan bakat, penciptaan dan penyambung cabaran hebat,” katanya ketika berucap dalam Program Kongres Penyelidikan dan Inovasi di UKM dekat sini, semalam.

Menurut Noor Azlan, sejak UM, UKM, UPM, USM dan UTM diberi status RU, aktiviti dan penghasilan penyelidikan semakin menunjukkan peningkatan yang membe-

rangsangkan.

“Universiti Penyelidikan perlu memainkan peranan penting untuk meningkatkan kerjasama penyelidikan dan inovasi antara universiti dengan komuniti. Kerjasama ini akan menyemarakkan pemindahan ilmu yang telah dijana kepada sasaran komuniti dan masyarakat awam,” katanya.



**NOOR AZLAN GHAZALI**